

Kejohanan Belanda bantu persiapan Sukan SEA

Berita Harian, 26 October 2013, Page 30

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Kejohanan Belanda bantu persiapan Sukan SEA

SILAT - YUSOFF A. RAHMAN

JUARA dunia, Shakir Juanda, mengakui lebih banyak kejohanan pencak silat yang disertainya, lebih baik persiapannya untuk menghadapi Sukan SEA Myanmar pada Disember ini.

Shakir bersama Muhd Nur Alfian Jumaen telah berlepas ke Belanda kelmarin untuk menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Belanda yang akan berakhir pada 30 Oktober ini.

Shakir akan bertanding dalam Kelas H, sementara Alfian dalam Kelas F.

Ditemui sebelum berangkat ke Belanda, Shakir berkata: "Saya berpendapat lebih banyak kejohanan yang saya sertai, lebih baik untuk diri saya dari segi soal pendedahan dan juga persiapan untuk menghadapi Sukan SEA Myanmar nanti.

"Dengan pendedahan dalam kejohanan antarabangsa yang berterusan, ia akan meningkatkan tahap keyakinan saya untuk menghadapi setiap cabaran nanti.

"Bagaimanapun saya ingin menumpukan satu demi satu jadual perlawanan. Sebagai pesilat, saya bertekad melakukan yang terbaik dalam setiap perlawanan yang saya hadapi."

Menurut Shakir, ini pertama kali beliau menyertai kejohanan di Belanda.

"Pesilat-pesilat Belanda adalah yang terbaik di Eropah. Antaranya ialah Rion Riker yang pernah mengalahkan pesilat Malaysia," beliau menambah.

Sebelum ini, Shakir telah menyertai tiga kejohanan di Eropah termasuk Kejohanan Paris dan Belgium.

Kejohanan kali ini melibatkan empat negara dengan Singapura menjadi negara undangan.

Tiganegara lain yang turut bertanding ialah Belanda, Belgium dan Jerman.


Sebelum ini, ketua pegawai eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob, memberitahu pada mulanya Singapura tidak termasuk dalam senarai negara yang diundang.

"Kami menerima undangan melalui kenalan saya di Eropah.

"Masalahnya, kami tidak mempunyai bajet untuk mengirinkan dua pesilat dan seorang jurulatih, Hidayat Hosni.

"Tetapi kami telah meminta tajaan daripada Yayasan Lee," jelasnya.

Sheik Alau'ddin menambah bahawa pertandingan tersebut merupakan peluang terbaik bagi Shakir dan Alfian untuk berentap dengan pesilat-pesilat Eropah yang rata-rata lebih lasak dan agresif. - YUSOFF A. RAHMAN



MEMBURU EMAS: Juara dunia, Shakir Juanda, ingin menggondol emas pula dalam Kejohanan Pencak Silat Belanda. – Foto PERSISI